



Utusan Malaysia

13/07/2009

Page: 23

Section: Regional Changes - North

Region: Malaysia Circulation: 197033

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 58.00 sq.cms

Frequency: MT5WTFS

LTSAS beroperasi kembali

IPOH 12 Julai – Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) hari ini kembali beroperasi dengan bermulanya khidmat penerbangan antara Ipoh-Singapura kendalian Firefly Sdn. Bhd. (Firefly).

Operasi lapangan terbang itu bermula pada pukul 4.45 petang apabila pesawat jenis ATR 72-500 milik Firefly yang membawa 52 penumpang dari Terminal Ekonomi, Changi, Singapura selamat mendarat.

Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pelancongan, Hamidah Osman berkata, kerajaan negeri gembira kerana usaha menghidupkan kembali LTSAS selepas tiga tahun tidak beroperasi menjadi kenyataan walaupun hanya dimulai dengan penerbangan tambang murah.

“Kerajaan negeri juga sedang berusaha mengembangkan operasi LTSAS dengan menyediakan khidmat penerbangan ke Medan, Indonesia dan Guang Zhou, China tidak lama lagi,” katanya selepas menyambut ketibaan penumpang pertama penerbangan Ipoh-Singapura di sini hari ini.